

**PENGLIBATAN ORGANISASI BUKAN KERAJAAN (NGO) DALAM BANTUAN
KEMANUSIAAN KE PALESTIN (AMAN PALESTIN BERHAD)**
*Involvement of Non-Governmental Organizations (NGO) In Humanitarian Aid to Palestine (Aman
Palestin Berhad)*

Adlin Shaimi Baharom* & Siti Nur Maisarah Mohd Zarawi**

Abstrak

Era globalisasi ini telah menyaksikan peningkatan besar pertumbuhan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dalam membangunkan negara. Bermula sebagai perusahaan kecil namun telah berkembang maju dalam pelbagai bidang sosial, ekonomi dan politik secara berperingkat. Setiap NGO bergerak dalam pelbagai bentuk bergantung kepada misi dan tujuannya yang tersendiri. NGO kemanusiaan merupakan NGO yang paling bergiat aktif dalam pelbagai negara dan merupakan elemen terpenting dalam memastikan keharmonian kehidupan dipelihara dengan baik. Hal ini menyebabkan, pihak NGO Malaysia tidak terkecuali untuk terlibat sama membantu menyalurkan bantuan kemanusiaan terhadap mangsa kekejaman rejim Zionis iaitu rakyat Palestin dan mangsa-mangsa kekejaman musuh Islam di negara lain. Kajian ini memfokuskan kepada pergerakan NGO Malaysia iaitu Aman Palestin. Kajian akan merangkumi beberapa aktiviti, polisi dan sumbangan yang diberikan kepada rakyat Palestin. Peranan NGO dalam memperjuangkan kebenaran, meningkatkan isu kesedaran dan menyediakan bantuan sedikit sebanyak telah membuka mata seluruh dunia termasuk sebahagian pemimpin untuk memastikan impian rakyat Palestin mencapai kemerdekaan dan kebebasan akan terlaksana suatu hari nanti.

Kata kunci: *Badan Bukan Organisasi (NGO), bantuan kemanusiaan, Aman Palestin*

Abstract

This era of globalization has seen a great increase in Non-Governmental Organizations (NGOs) in developing the country. It started as a small enterprise but has gradually developed in various social, economic and political fields. Each NGO moves in various forms depending on its own mission and purpose. Humanitarian NGOs are the most active NGOs in various countries and are the most important element in ensuring that the harmony of life is well preserved. This causes Malaysian NGOs to be involved in helping to channel humanitarian aid to the victims of the atrocities of the Zionist regime, namely the Palestinian people and the victims of the atrocities of the enemy of Islam in other countries. This study focuses on the Malaysian NGO movement Aman Palestine. The study will include several activities, policies and contributions given to the Palestinian people. The role of NGOs in fighting for the truth, raising awareness issues and providing assistance to some extent has opened the eyes of the whole world including some leaders to ensure that the Palestinian people's dream of achieving independence and freedom will come true one day.

Keywords : *Non-governmental organizations (NGO), humanitarian aid, Aman Palestin*

* Adlin Shaimi bin Baharom, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: adlinshaimi5@gmail.com

** Siti Nur Maisarah binti Mohd Zarawi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: hayyanzarawi@gmail.com

Pendahuluan

Kebelakangan ini, peranan yang dimainkan oleh kumpulan Organisasi Bukan Kerajaan atau *Non-Governmental Organization* (NGO) didapati semakin meningkat. Sungguhpun pada peringkat awal kewujudan majoritinya banyak menyediakan perkhidmatan berbentuk kebajikan dan sosial, namun peranan kumpulan ini didapati semakin menyerlah dalam hal-hal berkaitan dasar kerajaan. Antara yang lainnya dapat dilihat dalam aspek politik, demokrasi, urustadbir, hak asasi manusia dan sebagainya. Kepelbagaian peranan yang dimainkan oleh NGO didapati telah menarik minat pelbagai pertubuhan antarabangsa dan ahli akademik untuk menelitinya secara berterusan dan menyeluruh.¹

NGO merupakan agensi bukan kerajaan yang tidak mengambil sebarang keuntungan yang terdiri daripada kumpulan sukarelawan serta menyokong isu-isu yang melibatkan kebajikan awam di peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa. Berorientasikan tugas dan terdiri daripada orang yang mempunyai kepentingan bersama, NGO membawa kebimbangan rakyat kepada kerajaan, dasar monitor dan pelaksanaan program serta menggalakkan penyertaan pihak berkepentingan masyarakat awam di peringkat komuniti. Terdapat pelbagai jenis NGO yang bergerak berdasarkan isu-isu tertentu, seperti alam sekitar atau kesihatan dan ini termasuklah berkait isu kemanusiaan yang merupakan elemen terpenting dalam memastikan keharmonian kehidupan dipelihara dengan baik.

Terdapat kajian menyatakan peranan dan sumbangan yang telah digerakkan oleh NGO dalam memperjuangkan isu Palestin ini sebenarnya sejajar dengan objektif dasar luar Malaysia terhadap Palestin yang berteraskan prinsip-prinsip hak penentuan sendiri, keadilan dan nilai-nilai kemanusiaan. Ia dapat dibuktikan apabila Malaysia berterusan menjadi aktif dalam berkempen untuk sokongan Palestin di peringkat antarabangsa termasuk di sidang kemuncak *The Organization of Islamic Cooperation* (OIC).

Kajian ini telah menggunakan metodologi temubual secara atas talian dan melayari laman sesawang rasmi yang disediakan bagi memperoleh data maklumat yang berkaitan mengenai peranan NGO dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Palestin. Pengkaji telah memilih Aman Palestin Berhad sebagai kajian utama. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa Aman Palestin Berhad telah membantu rakyat Palestin dengan pelbagai inisiatif terutamanya membina projek infrastruktur di Kawasan yang sesuai, menyebarkan isu kesedaran kepada orang ramai dan turut mengadakan program-program berkaitan isu Palestin di dalam negara dengan kerjasama banyak pihak.

Definisi NGO

Istilah Badan Bukan kerajaan ataupun *Non-governmental Organization* (NGO) didapati telah mula digunakan sejak tahun 1945 apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

¹ Kajian mengenai NGO di Malaysia turut dilakukan, misalnya oleh Chandra Muzaffar, "Public Interest Societies, Democracy and Social Change", Makmor Tumin dan Robi Nurhadi, "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia", *Jurnal Sejarah*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Vol. 15, 2007, hlm. 161-176; Asmady Idris, "Malaysian Non-Governmental Organisations (NGOs) and Humanitarian Issues in Gaza, Palestine", *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 4, No. 1, 2012, hlm. 49-78.

ditubuhkan. Secara lebih tepat istilah ini telah dinyatakan di dalam Piagam PBB Fasal 71 Bab 10 yang secara khusus memperuntukkan tentang peranan konsultatif yang dimainkan oleh pertubuhan ini.²

NGO adalah umumnya sebuah organisasi berdaftar, kumpulan masyarakat, persatuan professional, kesatuan sekerja, organisasi amal yang tujuannya adalah untuk memperbaiki kesejahteraan anggota mereka dan di dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Dalam hal ini, Salamon dan Anheier³ menggunakan tujuh ciri utama bagi menerangkan tentang NGO dan sekali gus membezakannya dengan kumpulan pertubuhan yang lain.

Tujuh ciri tersebut adalah:

1. *Formal*: Berdaftar secara rasmi dan mempunyai peraturan pertubuhan.
2. *Private*: Berasingan daripada kerajaan dan bersifat persendirian.
3. *Non-profit distributing*: Tidak menjadikan keuntungan sebagai motif penubuhan.
4. *Self-governing*: Diurus secara persendirian.
5. *Voluntary*: Diusahakan secara sukarela.
6. *Non-religious*: Bukan bermotif dakwah.
7. *Non-political*: Tidak terlibat secara langsung dalam mempromosi calon dalam pilihanraya.

Jenis-jenis NGO

Klasifikasi dan tipologi NGO sebagaimana yang dicadangkan oleh World Bank⁴, dapat dibahagikan kepada dua iaitu “*Operational* dan *Advocacy/Campaigning*”. Huraian yang dikemukakan oleh Peter Willets⁵, NGO dalam kategori *operational* berhasrat untuk “*achieve small-scale change directly through projects*”. NGO daripada kategori ini memobilisasikan sumber daripada kewangan, peralatan dan sukarelawan untuk mewujudkan sesebuah program. Lazimnya fokus program bergantung kepada objektif program, sama ada melibatkan isu seperti alam sekitar, pendidikan, kebajikan awam ataupun pertolongan kecemasan. Bagi pengumpulan dana pula, ianya mungkin diperoleh daripada kerajaan, syarikat swasta dan orang ramai.

Manakala kategori kedua NGO adalah dari kategori *advocacy/campaigning* yang mana ianya bertujuan untuk “*active large-scale change promoted indirectly through influence of political system*”. NGO daripada kategori ini memerlukan sekumpulan ahli yang cekap dan berpengalaman terutama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih tertumpu kepada usaha untuk mengubah dasar awam di sesebuah negara. Peter Willets memberi galakkan agar NGO dalam kategori ini menganjurkan demonstrasi serta acara yang boleh meningkatkan kewujudan mereka dalam dunia ini. Mereka hendaklah mengekalkan suatu rangkaian kerja dengan sokongan yang besar agar dapat memobilisasi ramai penyokong untuk hadir ke program

² Artikel 71 itu menyatakan, “*The Economic and Social Council may make suitable arrangements for consultation with non-governmental organizations which are concerned with matters within its competence. Such arrangements may be made with international organizations and, where appropriate, with national organizations after consultation with the Member of the United Nations concerned*”.

³ Lester M. Salamon dan Helmut K. Anheier, *The Emerging Non-Profit Sector: An Overview*, Manchester: Manchester University Press, 1995, hlm. 14-15.

⁴ Lihat World Bank Criteria defining NGO.

⁵ Peter Willets, “*What is Non-Governmental Organisation?*” Kertas kerja yang dihasilkan dari Research Project on Civil Society Networks in Global Governance, London: City University, 2002.

anjuran mereka, dengan harapan mendapat liputan meluas media, sekaligus menarik perhatian masyarakat dan pemerintah. Lazimnya NGO kategori ini akan melibatkan diri dalam isu seperti hak asasi manusia, demokrasi dan termasuklah dasar-dasar kerajaan.⁶

NGO Dalam Hubungan Antarabangsa

Hubungan antarabangsa adalah kesemua perkara yang berkaitan dengan interaksi politik dan sosial negara, aktor bukan negara dan individu. Ia merangkumi perubahan dinamik isu-isu antarabangsa seperti perihal kemanusiaan, pencemaran alam sekitar dan keganasan global. Jelas disini bahawa isu NGO hari ini juga merupakan sebahagian dari kajian hubungan antarabangsa. Pada mulanya, kehadiran NGO telah diabaikan tetapi kebanyakan negara kini mula mengiktiraf kehadirannya. Disebabkan itu, NGO dalam hubungan antarabangsa dan undang-undang antarabangsa telah melalui beberapa fasa yang berbeza. Sebagai contoh, NGO kini kelihatan menjadi lebih biasa dalam landskap isu perbincangan dan rundingan silang budaya.

Terdapat kajian yang menerangkan tiga peranan utama NGO dalam politik dunia:

- i- Mendapatkan maklumat sekeliling yang berkaitan dengan aktiviti dan isu-isu semasa. Di sini, NGO bergiat aktif dalam memperolehi maklumat berdasarkan apa yang berlaku sama ada di dalam atau luar negara. Ini kerana NGO mempunyai jaringan yang boleh berinteraksi secara langsung mengenai isu dan masalah tersebut. Hasilnya, NGO akan berkongsi maklumat dengan negara dan masyarakat lain sama ada melalui media massa ataupun mekanisme lain yang bersesuaian.
- ii- Berperanan untuk melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan oleh negara terutamanya yang melibatkan dasar kebajikan sosial. Dalam hal ini, NGO menjadi jambatan sebagai penghantar yang bergerak dengan pantas dalam menyediakan bantuan kemanusiaan kepada orang-orang yang mengalami peperangan, kezaliman, keganasan dan bencana.
- iii- NGO di dunia antarabangsa adalah berkisar tentang interaksi di antara individu. Ia terlibat dalam pelbagai jenis interaksi bukan kerajaan di peringkat antarabangsa yang membawa bersama kumpulan-kumpulan dan individu. NGO berupaya menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa untuk membincangkan isu-isu semasa seperti politik, agama, hak asasi manusia, peperangan dan ekonomi. Melalui persidangan tersebut, NGO dari pelbagai negara akan datang bersama-sama untuk memperjuangkan isu yang dibincangkan sehingga sampai satu tahap NGO dapat memberi kesan kepada negara terhadap isu yang dibincangkan.

Kini kebanyakan NGO telah memperolehi populariti kerana banyak rundingan yang diusahakan oleh mereka telah membawa kepada kejayaan. Ia juga mengambil bahagian dalam perbincangan perundangan baharu yang mampu membawa kepada penyelesaian dalam masalah transnasional. Dalam kes ini, NGO mengambil bahagian dalam perbincangan dan secara rasmi mempengaruhi keputusan yang diambil oleh kerajaan. Oleh kerana itu, NGO

⁶ Mazlan Che Noh dan Makmor Tumin, "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan di Malaysia sehingga Tahun 2015" *Jurnal Sejarah*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, No. 26, Bil. 2, Disember 2017, hlm. 50.

menjadi penting dalam dasar yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa, bantuan antarabangsa, hak asasi manusia dan lain-lain.

Justeru, hari ini terdapat pelbagai NGO yang memberi fokus kepada isu-isu yang utama seperti hak asasi manusia, keselamatan atau alam sekitar sebagai contoh *Amnesty International* dan *The Nature Conservancy*. Terdapat juga NGO yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan seperti bantuan perubatan dan kesihatan seperti *MERCY Malaysia* atau menyumbang dalam pembangunan seperti *Grameen Bank*. NGO antarabangsa seperti *Oxfam* bukan sahaja memberi bantuan kecemasan dalam krisis makanan antarabangsa tetapi turut berkhidmat kepada pembangunan jangka panjang seperti membantu nelayan di rantau Asia dalam menguruskan sumber air mereka.

NGO dan Hak Asasi Manusia dalam Bantuan Kemanusiaan

Hak asasi manusia merangkumi semua aspek yang ada pada individu tersebut tanpa mengira bangsa, jantina, tempat tinggal, negara asal, etnik, agama, warna kulit, bahasa pertuturan dan faktor-faktor yang lain.⁷ Ianya merupakan satu isu yang sangat penting dan menjadi sebahagian daripada pengurusan antarabangsa dalam aspek kebebasan, keadilan dan kesejahteraan individu.⁸

Merujuk kepada kajian L.Shimko penyalahgunaan hak asasi manusia oleh individu, kumpulan dan semua asas-asas manusia telah lama wujud. Namun pada hari ini, ramai yang mendapat kesedaran dan peratusan semakin meningkat di peringkat global dalam menyuarakan dan membantu golongan yang tertindas. Setiap rakyat dan kerajaan kini menunjukkan kebimbangan masing-masing mengenai pelanggaran hak asasi manusia. Akibatnya, muncul pelbagai aktivis sosial dan organisasi antarabangsa yang menggalakkan dan memelihara hak asasi manusia.⁹

Kebiasaannya, NGO dalam kategori ini adalah antara aktor pertama yang datang menghulurkan bantuan ke tempat kejadian tersebut di mana wujudnya pelanggaran besar hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan. Di sini, dapat dilihat NGO mengumpulkan maklumat dari pelbagai sumber seperti daripada mangsa hak asasi manusia itu sendiri, saksi kejadian, kecederaan memeriksa dan bukti fizikal, NGO lain, akhbar dan demonstrasi. Di samping itu, NGO berusaha untuk mendapatkan perhatian orang ramai, kerajaan, dan aktor lain dengan masalah-masalah yang wujud dalam bidang hak asasi manusia ini. Dengan itu, ianya dapat meningkatkan kebimbangan dengan mengumpul dan menyebarkan maklumat mengenai isu-isu tersebut. NGO turut memainkan peranan penting dalam membawa pencabulan hak asasi manusia kepada perhatian masyarakat umum dan antarabangsa melalui siasatan, dokumentasi dan penyebaran maklumat selaras dengan apa yang kita dapat lihat sekarang di pelbagai platform.

⁷ What are Human Rights? (t.t.). Diakses 14 Mei, 2015, dari Office The High Commissioner Human Rights:[http://www.ohchr.org/EN/Issues/Pages/What are HumanRights.aspx](http://www.ohchr.org/EN/Issues/Pages/What%20are%20HumanRights.aspx)

⁸ P.Forsythe, D., *Human Rights in International Relations* (3rd ed.). (United Kingdom: Cambridge University Press, 2012), h. 43.

⁹ L.Shimko, K., *International Relation Perspective & Controversies* (United State: Wasworth Cengage Learning, 2014), h. 134

Selain itu, jenis bantuan yang dihantar oleh NGO adalah secara meluas dalam bentuk yang berbeza seperti bantuan secara serta-merta ataupun pembangunan jangka masa Panjang. Beamon & Balcik menjelaskan penglibatan NGO hak asasi manusia dalam dua jenis aktiviti.¹⁰

- a) Aktiviti bantuan : Bantuan untuk mangsa kecemasan yang berskala besar. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan dalam jangka masa pendek untuk memberi tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan kepada kesihatan manusia dan kelangsungan hidup secara berterusan.
- b) Aktiviti pembangunan : Bantuan dalam jangka masa panjang yang memberi tumpuan kepada bentuk sara diri. Aktiviti-aktiviti ini termasuk pembinaan yang kekal, pengangkutan, makanan, penjagaan kesihatan dan perumahan.

Penubuhan Aman Palestin Berhad

Aman Palestin Berhad merupakan sebuah syarikat yang tidak berteraskan keuntungan (*Non-Profit Organisation*). Ia telah didaftarkan dan mula beroperasi pada akhir tahun 2004. Pada 3 Januari 2006, syarikat Aman Palestin telah berjaya diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan menggunakan nama Aman Palestin Berhad sebagai nama syarikat.¹¹

Aman Palestin ditubuhkan untuk mencapai beberapa objektif iaitu :

- a) Memberikan kesedaran masyarakat berkaitan isu Palestin.
- b) Mendapatkan dan mengumpul dana serta menyalurkan bantuan.
- c) Menjalinkan hubungan dengan badan-badan kemanusiaan dalam dan luar negara.
- d) Bekerjasama dengan badan-badan kerajaan dan NGO.
- e) Merancang aktiviti secara bersepadu.
- f) Menganjurkan siri-siri forum perbincangan.
- g) Menerbitkan dan mengedarkan bahan-bahan sebaran am.

Visi utama Aman Palestin adalah NGO Antarabangsa yang pertama dalam mendapatkan dana dan menyediakan bantuan kepada Palestin dengan matlamat utama untuk membebaskan Al-Aqsa.

Aman Palestin juga mempunyai misi yang ingin dicapai iaitu :

- a) Menerapkan kesedaran dan keinsafan dalam hati sanubari umat Islam di Malaysia untuk membantu saudara mereka di Palestin sebagai satu ummah yang bersaudara, dan kepada yang bukan Islam sebagai rasa kemanusiaan yang tidak terbela sehingga kini.
- b) Membina projek yang nyata di dalam pelbagai bidang di bumi Palestin untuk membantu mereka membina masa depan dan meneruskan kehidupan, disamping menampung keperluan-keperluan segera yang diperlukan.

¹⁰ Beamon, B. M., & Balcik, B., Performance Measurement in Humanitarian Relief Chains. *International Journal of Public Sector*, 21(1) 2008, h. 4-25.

¹¹ <https://www.amanpalestin.net/salam.dll?kategori=profil>

- c) Menyokong segala usaha untuk mengembalikan hak Syar'ei yang sah bagi rakyat Palestin ke arah mendapatkan semula tanah air mereka yang dirampas.

Lokasi pejabat operasi utama Aman Palestin terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia. Manakala syarikat ini memiliki lebih daripada 15 pejabat cawangan seluruh Malaysia termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak.

Organisasi ini juga merupakan pertubuhan antarabangsa yang memiliki pejabat operasi di Gaza serta Indonesia. Di samping itu, terdapat wakil Aman Palestin yang bergerak aktif di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Australia. Perwakilan ini berfungsi untuk meluaskan lagi seruan sumbangan dan perolehan dana untuk misi bantuan kemanusiaan yang diusahakan Aman Palestin.

Aman Palestin tidak terkecuali dari melantik duta tersendiri yang berperanan mempromosikan gerak kerja kebajikan Aman Palestin kepada seluruh rakyat Malaysia dalam menyuntik kesedaran kepada isu semasa yang melanda Palestin. Duta Aman Palestin ialah Ustaz Mohd Zainudin Mohamed Zaini atau lebih dikenali sebagai PU Yeop.

Segala gerak kerja Aman Palestin adalah berlandaskan 3 prinsip utama iaitu kemanusiaan, persaudaraan (ukhuwwah) dan kesucian Baitul Maqdis. Prinsip pertama iaitu kemanusiaan, adalah merujuk kepada sifat manusiawi yang perlu dizahirkan oleh setiap kelompok masyarakat yang mengetahui dan melihat realiti kekejaman dan penindasan yang dilakukan rejim Zionis Israel. Konflik Israel-Palestin bukan hanya semata-mata melibatkan perebutan wilayah suci bagi dua agama samawi, malah ia menjangkau lebih daripada itu. Pelbagai hak kemanusiaan rakyat Palestin dinafikan seperti hak pendidikan, hak kesihatan, hak wilayah tempat tinggal dan lain-lain. Malah rakyat Palestin turut berdepan tekanan dan penindasan seperti penculikan anak-anak kecil, serangan bom udara, larangan memasuki Masjid Al-Aqsa dan sebagainya.

Prinsip kedua iaitu persaudaraan, adalah prinsip yang sedia ada dalam Islam itu sendiri iaitu *ukhuwwah al-Islamiyyah*. Dari segi bahasa, ukhuwah adalah kata terbitan (masdar) bagi perkataan 'Akha' yang bererti bersaudara manakala ukhuwwah bererti persaudaraan. Manakala dari sudut istilah, para ulama memberikan definisi yang pelbagai. Di antaranya adalah seperti yang dikemukakan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan :

“Ukhuwah merupakan kekuatan iman yang melahirkan perasaan kasih sayang yang mendalam, cinta, penghormatan dan rasa saling thiqah (saling percaya), terhadap seluruh insan yang memiliki ikatan aqidah Islamiyah yang sama dan juga yang memiliki cahaya keimanan dan ketaqwaan..”¹²

Allah berfirman di dalam Al-Quran :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya : “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”¹³

¹² Ukhuwah Islamiyah, Abdullah Nasih Ulwan

¹³ Surah al-Hujurat, ayat 10.

Berdasarkan prinsip persaudaraan ini, Aman Palestin berpegang kukuh untuk menghulurkan tangan membantu sedaya upaya meringankan beban dan penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin yang mereka ini merupakan saudara seaqidah dan berpaksi kepada hakikat iman dan taqwa yang sama.

Dan prinsip ketiga iaitu kesucian Baitul Maqdis, adalah bermaksud bahawa wilayah suci umat Islam ini perlu dipertahankan sehabis mungkin. Baitul Maqdis merupakan kiblat pertama di mana umat Islam menghadap ketika solat. Bahkan, ia pernah menjadi lokasi yang signifikan dalam peristiwa Israk Mikraj yang melibatkan Rasulullah S.A.W. dan para rasul yang lain. Malah, tanah suci ini disebut oleh Allah di dalam Al-Quran :

يَقُومُوا أَدْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّوا عَلَىٰ أَدْبَارِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ

Maksudnya : “(Nabi Musa berkata lagi): "Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya); dan janganlah kamu berbalik undur ke belakang, (kalau kamu undur) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (di dunia dan di akhirat)".

Perkataan *al-Ardu al-Muqaddasah* itu dijelaskan huraianannya oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya¹⁴ bahawa ia bermaksud Baitul Maqdis itu sendiri. Atas faktor itulah, Aman Palestin teguh dengan pendirian bahawa kesucian Baitul Maqdis itu perlu dipertahankan melalui desakan, bantuan kepada rakyat Palestin yang berjuang dan bantahan secara terbuka.

Sumber Kewangan

Kewangan adalah nadi utama bagi sesebuah syarikat untuk beroperasi. Namun, berbeza dengan Aman Palestin yang hanya berperanan untuk mengumpul sumbangan kewangan untuk diagihkan kepada golongan sasaran bantuan. Pertama, Aman Palestin memperolehi dana melalui tajaan syarikat korporat tertentu. Tajaan daripada syarikat-syarikat ini lazimnya dalam jumlah yang agak tinggi.

Kedua, Aman Palestin menerima sumbangan kewangan melalui masyarakat, komuniti setempat dan rakyat yang prihatin. Sumber kedua ini mendominasi jumlah pengumpulan dana dan kewangan Aman Palestin. Pelbagai mekanisme kutipan sumbangan yang dijalankan Aman Palestin seperti tabung-tabung fizikal yang diletakkan di lokasi strategik seperti restoran, stesen minyak, masjid, pasaraya, bangunan institusi kerajaan dan sebagainya. Selain itu, sumbangan daripada masyarakat juga diperoleh melalui kutipan yang dijalankan sewaktu program-program Aman Palestin berkolaborasi dengan persatuan atau organisasi setempat seperti jemputan ceramah di sekolah dan pembukaan reruai Aman Palestin di karnival-karnival tertentu.

Ketiga, sumbangan juga diperolehi daripada masyarakat melalui transaksi atas talian. Pada era pandemik ini, penggunaan medium sumbangan ini diperluaskan berikutan kerisauan orang ramai berhubung risiko penyebaran virus.

¹⁴ Tafsir Al-Quran Al-‘Azim, Ibn Kathir, Jilid Ketiga, hlm. 75.

Dan keempat, Aman Palestin juga mewujudkan inisiatif jualan amal. Antara barang-barang yang dijual adalah seperti baju, kain mafla, bendera Palestin, buku-buku agama, rantai kunci dan pelbagai lagi barang yang menarik. Keseluruhan hasil daripada jualan ini dimasukkan ke dalam tabung amal Aman Palestin dan ia dimanfaatkan sebaiknya untuk gerak kerja kebajikan yang digembleng bersama.¹⁵

Kempen Yang Dijalankan

Terdapat beberapa kempen ataupun program sumbangan yang mempunyai kelompok sasaran bantuan tertentu. Kempen-kempen tersebut ialah :

a) Tabung Bantuan Musim Sejuk (BMS)

Tabung ini adalah berperanan dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat Palestin dan juga pelarian Syria yang berada di kem-kem pelarian di Lubnan, Jordan dan juga Syria. Musim sejuk yang melanda kawasan Syam ini mengakibatkan kesukaran yang getir. Justeru, sumbangan yang terkumpul untuk tabung ini dimanfaatkan sepenuhnya bagi memenuhi keperluan pelarian dan rakyat Palestin seperti bahan pemanas, pakaian tebal, kain serta selimut, pek makanan, kit ubat-ubatan dan lain-lain yang diperlukan.

b) Tabung Palestin

Tabung ini dikhususkan buat segala perkara yang berkaitan dengan Palestin. Kini, wilayah Palestin terdiri daripada dua lokaliti yang berbeza iaitu Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Situasi di Gaza adalah berbeza dengan situasi di Tebing Barat. Justeru, keperluan bagi setiap kawasan juga berlainan.

i- Situasi di Semenanjung Gaza lebih meruncing disebabkan ia dikepung oleh penempatan haram Israel dan regim Zionis. Malah, ia juga terputus hubungan dengan wilayah Tebing Barat. Maka, pelbagai siri serangan telah dilancarkan oleh regim Zionis di Semenanjung Gaza dan mengakibatkan kemusnahan bangunan, kematian penduduk dan juga sekatan bekalan asas. Justeru, Aman Palestin mengumpulkan sumbangan khas untuk membina semula institusi yang musnah dibom seperti Masjid Imam Syafie¹⁶, Masjid Al-Qassam, Masjid Syeikh Ajlin dan hospital yang lengkap dengan peralatan perubatan dan wad unit rawatan rapi. Kini, Aman Palestin giat mengumpul sumbangan untuk pembinaan hospital Pakar Psikiatri dan Mental di Semenanjung Gaza.

ii- Manakala situasi di Tebing Barat pula, tekanan yang diberikan pihak Israel berbentuk diskriminasi hak dan penindasan. Wilayah Tebing Barat yang menempatkan Masjid Al-Aqsa di dalamnya, seringkali diganggu oleh rakyat Israel. Kawasan pertanian orang-orang Palestin dimusnahkan dan dibakar, kanak-kanak kecil dihalang ke sekolah, pemuda-pemuda Palestin ditembak

¹⁵ Intipati temubual bersama Encik Hasnul Rizal bin Hassan, Pegawai Pemasaran Aman Palestin Berhad Cawangan Perlis.

¹⁶ <https://www.astroawani.com/video-malaysia/aman-palestin-cari-dana-rm30-juta-1662705>

sehingga cacat, orang Islam dilarang memasuki Masjid Al-Aqsa dan pelbagai lagi tekanan yang dikenakan ke atas penduduk Palestin di Tebing Barat. Justeru, Aman Palestin mengambil inisiatif untuk menghulurkan bantuan melalui pembangunan aspek pendidikan seperti pembukaan tadika dan madrasah tahfiz serta aspek teknikal yang lain seperti bantuan makanan dan pengangkutan (bas dan jentera bomba).

c) Tabung Alam Islami

Tabung ini berfungsi untuk menyalurkan bantuan dan sokongan kepada negara-negara Islam selain Palestin dan Syria yang menghadapi kemelut dan isu kemanusiaan. Sebagai contoh, sumbangan pada tabung ini telah dimanfaatkan untuk menolong saudara-saudara seIslam kita di Yaman dan juga negara-negara Afrika. Pada tahun 2018, Aman Palestin membantu mangsa-mangsa tsunami di Palu, Sulawesi dan Lombok di Indonesia.¹⁷ Aman Palestin juga menghulurkan bantuan buat Turki selepas kawasan Izmir di barat negara itu dilanda gempa bumi berukuran 6.6 skala Rihchter.

d) Tabung Kafalah

Peranan tabung ini adalah untuk membantu golongan ibu tunggal dan anak-anak yatim dan fakir miskin. Tabung ini juga berfungsi sebagai dana untuk meneruskan skim dermasiswa kepada anak-anak Palestin yang sedang menyambung pengajian.

Aktiviti Yang Dikendalikan

Bagi memastikan objektif penubuhan Aman Palestin tercapai, pelbagai program dan aktiviti diadakan sama ada di Palestin atau kem-kem pelarian Palestin yang terdapat di Lubnan dan negara sekitarnya. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dijalankan secara ringkasnya adalah seperti berikut :

- i- Pembinaan Rumah Anak-Anak Yatim Palestin. Projek ini adalah satu usaha membangunkan rumah anak-anak yatim Palestin yang berada di Palestin ataupun di kem-kem pelarian mereka.
- ii- Bantuan Pelajaran Pelajar-Pelajar Palestin. Iaitu menyediakan bantuan pelajaran untuk pelajar-pelajar Palestin yang berada di dalam Palestin dan di kem-kem pelarian mereka.
- iii- Bantuan Sara Hidup Yatim Palestin. Projek ini bertujuan menyediakan bantuan sara hidup untuk anak-anak yatim Palestin yang berada dalam kemiskinan dan kemelaratan. Sehingga kini, Aman Palestin menguruskan bantuan sara hidup anak yatim di dalam Palestin dan Lubnan.
- iv- Projek Pembiayaan Keluarga Miskin dalam Palestin.
- v- Projek Pertanian Sara Diri di Nablus.
- vi- Projek Berbuka Puasa. Menyediakan makanan berbuka puasa untuk pelarian, anak-anak yatim dan masyarakat Palestin.

¹⁷ <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/tabung-bencana-nusantara-kutip-dana-rm46330-22-bantu-mangsa-gempa-bumi/>

- vii- Bantuan Perubatan Palestin. Bekalan ubat di Palestin tidak mencukupi ekoran sekatan Amerika dan sekatan apartheid Israel. Oleh itu projek ini penting bagi menyediakan bekalan ubat yang diperlukan oleh rakyat Palestin.
- viii- Projek Qurban Aidil Adha Palestin. Projek ini adalah untuk membekalkan daging korban untuk pelarian, anak-anak yatim dan masyarakat Palestin sempena Hari Raya Aidil Adha.
- ix- Bantuan Hari Raya. Membekalkan makanan dan pakaian yang diperlukan oleh pelarian, anak-anak yatim dan masyarakat Palestin untuk menyambut Hari Raya.
- x- Projek Ambulans bagi Klinik Hamzah.
- xi- Projek Pusat Kegiatan Anak-Anak Yatim.

Selain aktiviti-aktiviti dan projek di atas, Aman Palestin juga terlibat dalam melaksanakan projek-projek lain seperti Kafalah Ibu Tunggal, Projek Pusat Latihan, Projek Pembinaan Pusat al Quran, Projek Pembangunan Sekolah Untuk Anak-Anak Pelarian dan Yatim Palestin, Projek Bantuan Pakaian & Beg serta Projek Pakaian Musim Sejuk.¹⁸

Mekanisme Penyaluran Sumbangan Yang Terkumpul

Keseluruhan sumbangan dan tajaan individu mahupun masyarakat yang terkumpul, seterusnya akan diusahakan untuk disalurkan ke Palestin. Usaha penyaluran ini dapat berjalan dengan lancar dan efektif atas faktor kemampuan Aman Palestin untuk menjalin hubungan baik dengan beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO) tempatan Palestin seperti Basalamah dan lain-lain serta penubuhan pejabat operasi di Semenanjung Gaza yang diketuai oleh Ir. Omar J. Seyyam selaku Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Gaza.

Transaksi atas talian merupakan mekanisme penyaluran sumbangan yang diaplikasi pada masa kini. Setiap bulan, dianggarkan sebanyak RM50,000 disalurkan melalui transaksi atas talian ke akaun Al-Quds Bank. Penghantaran sumbangan ini mengambil masa 2 hari untuk ia sampai ke Aman Palestin Gaza yang menguruskan hampir kebanyakan gerak kerja di Palestin.¹⁹

Namun, ia berbeza sewaktu awal-awal penubuhan Aman Palestin. Segala sumbangan pada waktu itu, disalurkan melalui jalan darat iaitu wakil penyampai bantuan perlu melalui sempadan Rafah di Mesir untuk memasuki Semenanjung Gaza demi menyampaikan bantuan. Namun, medium ini tidak lagi relevan berikutan pelbagai sekatan yang dikenakan oleh rejim Israel kepada kumpulan-kumpulan NGO yang ingin menyampaikan bantuan. Sekatan yang dikenakan termasuklah caj import barangan yang tinggi, penguatkuasaan sempadan yang sangat ketat dan mengehadkan bantuan dalam jumlah yang kecil. Ini sekaligus menatijahkan kerugian kepada kumpulan NGO yang ingin menyampaikan sumbangan. Atas faktor ini, mekanisme transaksi atas talian merupakan medium paling efektif dalam menyalurkan sumbangan.

¹⁸ <https://www.amanpalestin.net/salam.dll?kategori=profil>

¹⁹ Intipati temubual bersama Pegawai Aman Palestin Perlis, Encik Hasnul Rizal.

Isu Sumbangan Tidak Sampai Kepada Palestin

Pada awal tahun 2020, kecoh apabila Duta Kehormat Palestin ke Malaysia, Walid Abu Ali mendakwa bahawa segala sumbangan yang diberikan oleh rakyat Malaysia kepada kumpulan NGO tidak sampai ke tangan rakyat Palestin.²⁰

Dakwaan beliau dinafikan keras oleh seluruh wakil-wakil NGO Malaysia yang menyalurkan bantuan ke Palestin. Pengarah Media dan Korporat Aman Palestin, Anas Abdul Wahab, telah merespon kepada dakwaan itu bahawa bantuan daripada pihak Aman Palestin disalurkan terus menerusi wakil mereka yang berada di Palestin.

Penutup

Jelaslah kepada kita bahawa peranan NGO dalam menjaga kebajikan Palestin dan rakyatnya amat signifikan dan ketara sekali khususnya Aman Palestin Berhad. Usaha yang ditonjolkan kumpulan ini amat besar dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat Palestin dan membantu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia dan komuniti antarabangsa mengenai isu dan kemelut yang melanda Palestin.

Bibliografi

- Aman Palestin Cari Dana RM30 Juta. (April 30, 2019). Retrieved from <https://www.astroawani.com/video-malaysia/aman-palestin-cari-dana-rm30-juta-1662705>
- Asmady Idris. (2012). Malaysian Non-Governmental Organisations (NGOs) and Humanitarian Issues in Gaza, Palestine. *International Journal of West Asian Studies*, 4(1), 49-78.
- Beamon, B. M., & Balcik. (2008). Performance Measurement in Humanitarian Relief Chains. *International Journal of Public Sector*, 21(1), 4-25.
- Dr. Abdullah Nasih Ulwan. (2007). *Persaudaraan Islam*. Kuala Lumpur: iBook Publications Sdn. Bhd.
- Ibnu Kathir. (1999M - 1420H). Tafsir Al-Quran Al-'Azim (Vol. 3): Darr Thoibah.
- Jurnal Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. (2007). 15, 161-176.
- L. Shimko, & K. (2014). *International Relation Perspective & Controversies*. United State: Wasworth Cengage Learning.

²⁰ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/656927/ngo-nafi-dana-tidak-sampai-kepada-rakyat-palestin>

Lester M. Salamon, & Helmut K. Anheier. (1995). *The Emerging Non-Profit Sector: An Overview*. Manchester: Manchester University Press.

Mazlan Che Noh, & Makmor Tumin. (2017). Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan di Malaysia sehingga Tahun 2015. *Jurnal Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya*, 26(2), 50.

Mengenai Aman Palestin. Retrieved from <https://www.amanpalestin.net/salam.dll?kategori=profil>

NGO Nafi Dana Tidak Sampai Kepada Rakyat Palestin. (Februari 19, 2020). *BH, New Straits Times Press (M) Bhd.* Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/656927/ngo-nafi-dana-tidak-sampai-kepada-rakyat-palestin>

P. Forsythe, & D. (2012). *Human Rights in International Relations* (3 ed.). United Kingdom: Cambridge University Press.

Peter Willets. (2002). *What is Non-Governmental Organisation?* London: City University: Research Project on Civil Society Networks in Global Governance

Tabung Bencana Nusantara Kutip Dana RM46,330.22. (Oct 17, 2018). *mynewshub*. Retrieved from <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/tabung-bencana-nusantara-kutip-dana-rm46330-22-bantu-mangsa-gempa-bumi/>

Temubual bersama Encik Hasnul Rizal bin Hassan, Pegawai Pemasaran Aman Palestin Berhad Cawangan Perlis.

What are Human Rights?. (2015). *Office The High Commissioner Human Rights*. Retrieved from <http://www.ohchr.org/EN/Issues/Pages/WhatareHumanRights.aspx>